

Program \$5j untuk pemimpin kewangan digital di S'pura dan rantau ini

SEBUAH program \$5 juta untuk eksekutif kanan, pengusaha fintech dan pengubal dasar dari Singapura, Asia Tenggara dan kawasan Greater Bay Area telah dilancarkan baru-baru ini.

Program itu merupakan inisiatif AMTD Group, Xiaomi Finance, Universiti Pengurusan Singapura, dan Institut Sains Sistem di Universiti Nasional Singapura (NUS-ISS).

Program Kepimpinan Kewangan Digital itu akan memperkuat kedudukan Singapura sebagai hab fintech dan inovasi dengan “memperdalam pengetahuan dan kemampuan pemimpin kewangan dan pengawalseliaan kanan, serta pengusaha fintech di Asia dalam bidang transformasi perniagaan digital dan kewangan digital”, kata pertubuhan itu dalam satu kenyataan bersama.

Ini akan membolehkan pemimpin memanfaatkan huraian dan perkhidmatan kewangan digital untuk mendorong kecemerlangan perniagaan, menurut kenyataan itu lagi.

AMTD dan Xiaomi Finance akan menyumbang \$5 juta bagi menyokong inisiatif ini.

Pembiayaan ini akan membolehkan SMU dan NUS-ISS membangun kurikulum dan sumber pengajaran yang relevan, serta menyokong kos mengurus dan mengatur program.

Sebahagian daripada sumbangan itu juga boleh digunakan untuk membiayai bia-

siswa bagi menarik calon “paling cemerlang” daripada sektor awam untuk mengikuti Program AXSI, kata pertubuhan itu lagi.

Program itu akan mempunyai dua siri setiap tahun dan akan mengalu-alukan kumpulan peserta yang pertama pada bulan November tahun ini.

Setiap siri akan mempunyai sehingga 25 peserta. Siri pertama juga dirancang untuk diadakan sempena Pesta FinTech Singapura yang dijadualkan berlangsung dari 9 hingga 13 November ini.

Sebagai tambahan kepada program eksekutif lima hari di Singapura, peserta Program AXSI itu akan menjalani program dua hari pembelajaran di Hong Kong dan Beijing, yang masing-masing dihoskan oleh AMTD dan Xiaomi Finance.

Sepanjang lima hari di Singapura, sesi pembelajaran itu akan merangkumi kandungan dari Asia, yang memberi tumpuan kepada topik ekosistem kewangan baru, inovasi kewangan, kemampanan dan kewangan hijau, huraian fintech serta keselamatan siber, kata pertubuhan tersebut.

Antara lain, inisiatif itu memanfaatkan rangkaian sumber AMTD dalam perkhidmatan kewangan digital; pengalaman Xiaomi Finance dalam perkhidmatan teknologi digital, Internet Benda pengguna dan inovasi; kepakaran SMU dalam program kepimpinan, kewangan digital, undang-undang dan tadbir urus; serta kepakaran NUS-ISS dalam keselamatan siber dan kecerdasan buatan.